

AZEMI Aziza menunjukkan kolam tadahan yang tidak dibersihkan daripada tumbuhan sehingga menyekat aliran air dan disyaki menjadi tempat pembiakan nyamuk.

Penduduk Taman Impian Putra dakwa jadi punca kes denggi meningkat Lagi kolam bermasalah di Bangi

Oleh MOHD. ZULFADLI SHARIFUDIN
kota@utusanangroup.com.my

KAJANG 8 Okt. - Sebuah kolam tadahan di kawasan Taman Impian Putra, Bangi dekat sini disyaki oleh penduduk sebagai tempat pembiakan nyamuk aedes dan menjadi punca merebaknya demam denggi di taman perumahan itu.

Kolam itu, yang terletak berdekatan deretan rumah di Jalan Dua taman itu dicemari dengan sampah, lumut dan semak-samun.

Airnya yang berwarna hijau tu-

rut dikhuatiri menjadi habitat haiwan liar dan berbisa seperti ular sekali gus mengundang bahaya jika kanak-kanak dibiarkan bermain di situ.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* pernah mendedahkan isu sama yang melanda penduduk di Taman Tasik Bangi 3, Seksyen 3, Bandar Baru Bangi.

Masalah di kawasan itu dijangka selesai tidak lama lagi apabila Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memaklumkan pihaknya akan membersihkan kolam itu dan telah meminta Majlis Perbandaran Ka-

jang (MPKj) untuk membersihkan sistem saliran ke kolam berkenaan.

Menurut penduduk Taman Impian Putra, kebimbangan mereka semakin memuncak apabila terdapat di kalangan mereka yang baru sahaja dijangkiti demam denggi.

Penduduk memaklumkan, setakat ini sebanyak 30 penduduk di situ pernah dijangkiti demam denggi termasuk golongan kanak-kanak berusia tiga tahun hingga dewasa berumur 50 tahun.

Difahamkan, kawasan yang didiami kira-kira 1,000 penduduk

itu merupakan 'hot spot' denggi sejak empat tahun lalu.

Menurut mereka, inisiatif sendiri seperti beberapa kali membersihkan kolam itu secara bergotong-royong terpaksa dilakukan untuk mengelakkan lebih ramai yang menjadi mangsa denggi sedangkan tanggungjawab itu sepatutnya dijalankan oleh agensi yang berkaitan kerana tugas hakiki mereka.

Mereka mengakui perkhidmatan semburan nyamuk ada dilaksanakan oleh agensi berkaitan namun penduduk dijangkiti demam denggi masih kerap berlaku dan

jumlah kes semakin meningkat.

Penduduk turut mendakwa kolam tersebut tidak pernah disenggara oleh pihak berwajib sejak 2008.

Selain itu, sistem perparitan di kawasan tersebut turut dipenuhi sampah sekali gus menyebabkan banjir kilat akibat tidak dibersihkan dengan baik.

Tinjauan *Utusan Malaysia* ke kawasan itu mendapati longkang di kawasan itu tersumbat, menyebabkan air tidak dapat mengalir ke kolam dan seterusnya ke Sungai Semenyih.

Penduduk minta MPKj, JPS bersihkan kolam

KAJANG 8 Okt. - "Kami telah beberapa kali mengemukakan aduan berhubung isu ini kepada pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) tetapi sehingga kini tiada tindakan yang diambil."

Itu dilema yang dihadapi oleh penduduk di Jalan Dua, Taman Impian Putra, Bangi berhubung masalah kolam tadahan berdekatan rumah mereka yang tidak disenggara.

Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Impian Putra, **Azemi Azizan** berkata, penduduk kecewa dengan tindakan MPKj kerana gagal tampil untuk membantu mereka menyelesaikan isu itu.

"Aduan juga telah dipanjangkan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bangi, Mohd. Shafie Ngah tetapi tiada juga perkembangan lanjut. Jika hujan turun dengan lebat selama dua jam, kawasan ini turut dinaiki air."

"Kes denggi berikutan pembiakan nyamuk aedes di sini juga semakin meningkat sehingga ada penduduk yang telah terlantar di Unit Rawatan Rapi (ICU). Jangan apabila sesuatu yang lebih buruk



ZULKAFLI MOHD. NOR



AMIR JAMIRAN

berlaku baru ada tindakan," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Azemi menegaskan bahawa penduduk di kawasan itu berhak meminta kolam itu dibersihkan kerana mereka seperti penduduk di kawasan lain, turut membayar cukai pintu tetapi terpaksa membersihkan kolam itu sendiri sedangkan bukan di bawah tanggungjawab mereka.


"Untuk tahun ini sahaja, sudah dua kali kami bergotong-royong membersihkan kolam dan lain-lain di kawasan ini. Setakat ini kutipan sampah dan pemetongan rumput dilaksanakan dengan baik oleh pihak kontraktor tetapi

kolam dan parit tidak disenggara dengan baik," ujarnya.

Zulkafli Mohd. Noor, 41, pula baru sahaja terlepas daripada risiko maut apabila dia bersama-sama isteri dan seorang anak berusia lapan tahun ditahan di wad Hospital Serdang pada minggu lepas akibat demam denggi yang berbahaya itu.

"Itu pertama kali saya dan anak menghidap demam denggi. Isteri saya pula telah dijangkiti sebanyak dua kali. Alhamdulillah, kini kami semakin sihat," jelasnya.

Jirannya, **Amir Jamiran**, 40, pula berkata, isterinya turut dijangkiti demam denggi pada Ahad lalu yang disangkanya cuma demam biasa pada awalnya. "Saya berharap MPKj dan JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) segera mengambil tindakan membersihkan kolam ini demi kesihatan dan keselamatan penduduk," katanya.



BEBERAPA penduduk Taman Impian Putra di Bangi, Kajang, Selangor menunjukkan longkang yang tersumbat akibat tidak disenggara sehingga menyekat aliran air ke Sungai Semenyih dan menggalakan pembiakan nyamuk aedes.